



EDISI 1
2022
BILANGAN
41
EDARAN
PERGUMA

Wadiah

MAIPK



**36,754 ASNAF
TERIMA
RM9.18 JUTA
BANTUAN HARI
RAYA AIDILFITRI
MAIPK**



**PROGRAM
PERCAMBAHAN
MINDA**

YANG DIPERTUA MAIPK

**PROJEK TANAMAN CILI FERTIGASI ASNAF
RAIH PENDAPATAN LUMAYAN**





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

36,754 ASNAF TERIMA RM9.18 JUTA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAIPK



IPOH, 18 April 2022 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al Maghfur-Lah berkenan menyempurnakan penyerahan Bantuan Zakat Hari Raya Aidilfitri MAIPK 2022 melalui Penghulu Mukim Daerah kepada 33,342 orang asnaf fakir dan miskin seluruh negeri Perak berjumlah RM8,335,500.00. Bantuan Hari Raya Aidilfitri tahun 2022 keseluruhannya berjumlah RM9,188,500.00 melibatkan keseluruhan 36,754 orang penerima termasuk asnaf muafaf seramai 3,412 orang dengan jumlah RM853,000.00.





BANTUAN ZAKAT (BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI) ASNAF FAKIR, MISKIN DAN MUALAF MAIPK TAHUN 1443H | 2022M

BIL.	DAERAH	PERBELANJAAN (RM)	BIL PENERIMA (ORG)
1	Daerah Kinta	2,310,750.00	9,243
2	Daerah Larut, Matang dan Selama	1,087,750.00	4,351
3	Daerah Perak Tengah	801,750.00	3,207
4	Daerah Kerian	714,750.00	2,859
5	Daerah Hulu Perak	655,750.00	2,623
6	Daerah Kuala Kangsar	651,500.00	2,606
7	Daerah Manjung	543,000.00	2,172
8	Daerah Hilir Perak	362,750.00	1,451
9	Daerah Bagan Datuk	325,000.00	1,300
10	Daerah Kampar	300,750.00	1,203
11	Daerah Muallim	296,000.00	1,184
12	Daerah Batang Padang	285,750.00	1,143
JUMLAH		8,335,500.00	33,342
	Bantuan kepada Mualaf (diagih oleh Jabatan Agama Islam Perak)	853,000.00	3412
JUMLAH KESELURUHAN		9,188,500.00	36,754



Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

Pengurniaan

WATIKAH PELANTIKAN DUA ANGGOTA MAIPK

IPOH, 18 April 2022 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkenan menyempurnakan majlis pengurniaan watikaah pelantikan dua Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK). MAIPK diterajui oleh anggota-anggota berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang disiplin ilmu. Komposisi Anggota MAIPK dilantik adalah daripada kalangan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran masing-masing dalam memperkasakan agenda memartabatkan ummah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak memberi perkenan melantik YDH. Toh Maharaja Indera Dr. Khairil Anuar bin Arshad sebagai anggota MAIPK baharu. Beliau berkelulusan Diploma Pendidikan (Matematik), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik), NW Missouri State University Missouri, USA, Ijazah Sarjana Sains (Matematik), Murray State University, Kentucky, USA dan Ijazah Doktor Falsafah (Matematik), University of Bradford, United Kingdom. Berpengalaman luas dalam pengurusan organisasi, menganalisis data dan pemodelan matematik. Beliau bergiat aktif memberi ceramah motivasi, pembelajaran matematik, usahawan, dan program Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM). Beliau berjaya melaksanakan lebih 500 pelbagai program SULAM bersama masyarakat dan merupakan pengerusi projek perintis Agrotani Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Pengerusi projek Lembah Kelulut UTM.

Selain itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak turut memberi perkenan melantik Encik Mohamed Shah Redza bin Hussein. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) University of East London. Beliau mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar, korporat dan perkhidmatan teknologi. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Pengarah Perbadanan Taman Negeri Perak, menumpukan pemuliharaan kawasan terlindung, kepelbagaian biologi, ekologi dan komuniti setempat. Beliau juga merupakan Pengarah Projek Khas Earth And Sea Observation System (EASOS) Agensi Angkasa UK, Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Pengarah Dana dan Pemasaran WWF Malaysia. Beliau pernah mendapat Anugerah Global Dr. Rimington Award for Tiger Conservation 2020.





PERCAMBAHAN MINDA YANG DIPERTUA MAIPK, DATO' SERI MOHD ANNUAR BIN ZAINI



DEWAN SEBARAU, BUKIT MERAH LAKETOWN RESORT 28 JANUARI 2022



DEWAN AL-GHAZALI, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN 18 FEBRUARI 2022



DEWAN BANDARAN TELUK INTAN 25 FEBRUARI 2022



Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

FORUM SEMARAK BERWAKAF

IPOH, 5 April 2022 – Program Forum Semarak Berwakaf julung kali diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Program dianjurkan inisiatif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Jabatan Agama Islam Perak. Kira-kira 110 peserta terdiri daripada Ketua Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Naib Canselor universiti serta Pengarah Kolej, Pengetua, Mudir, Guru Besar dan agensi syarikat korporat serta GLC.

MAIPK melaksanakan Program Semarak Berwakaf bertujuan meningkatkan kesedaran dan memartabatkan budaya berwakaf agar terus subur dalam jiwa masyarakat serta menjadi ikutan generasi akan datang. Perkongsian ilmu disampaikan terdiri daripada tiga orang panel oleh YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Perak Dato' Dr. Afifi al-Akiti, merupakan ulama Melayu di Universiti Oxford dan serba berkebolehan dalam pelbagai bidang keilmuan. Beliau menerima Watikah Perlantikan sebagai anggota MAIPK serta dikurniakan gelaran Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan sebagai Orang Besar 8 Perak dan dilantik Ahli Rasmi Dewan Negara Perak.

Seterusnya panel perkongsian oleh YBhg. Profesor Azman Bin Ab Rahman, merupakan Profesor VK-7, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan menganggotai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan Zakat, MAIPK. Selain itu, panel perkongsian turut disertai oleh En. Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, MAIPK yang berpengalaman dalam pengurusan wakaf di negeri Perak.



MAIPK mengharapkan berwakaf melalui Waqaf Perak Ar-Ridzuan akan terus diperkasakan dan dikembangkan bagi memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat tidak kira sama ada mereka daripada golongan berpendapatan rendah, sederhana ataupun tinggi sama-sama berpeluang melaksanakan amal jariah dengan berwakaf agar manfaatnya dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

Pihak MAIPK merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua panel yang terlibat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Jabatan Agama Islam Perak yang sudi menjalinkan kerjasama bagi menganjurkan program ini.



Semoga kesedaran dan keprihatinan masyarakat membudayakan ibadah wakaf sangat dituntut dalam mencerminkan cetusan tekad dan semangat untuk saling membantu mengangkat martabat ummah, di samping mengharapkan semua lapisan masyarakat memainkan peranan untuk menyemarakkan amalan berwakaf serta mempromosikannya sebagai antara sumber kewangan sosial Islam dalam usaha memperkasakan ekonomi umat Islam.



MAJLIS TUAIAN HASIL PERTAMA PROJEK TANAMAN CILI FERTIGASI



BAGAN DATUK, 22 Mac 2022 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengadakan Majlis Perasmian Projek Cili Fertigasi dan Tuaian Hasil Pertama peserta Program Pemeraksanaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) MAIPK di Kg. Sg. Pergam. Projek cili fertigasi merupakan program yang dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan (April 2021 – April 2022). Seramai 20 orang peserta terpilih daripada seluruh negeri Perak mengikuti program ini dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM355,000.00 (RM17,750.00 setiap peserta).

Bantuan Modal MAIPK diperuntukkan di bawah Asnaf Fakir dan Miskin diberikan kepada asnaf yang produktif serta boleh menjana pendapatan mereka melalui perniagaan dalam bidang pertanian. Bantuan ini diharapkan dapat membantu golongan asnaf tersebut keluar dari kelompok kemiskinan dan meningkat taraf kehidupan mereka.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YDH Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr Khalid bin Ismail, Orang Besar Jajahan Bagan Datuk. Turut hadir, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Pengerusi Eksekutif I-Grow, Encik Nordin bin Abdul Malek, Wan Mohammad bin Wan Isa, Penolong Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Encik Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Encik Shameer Mahzuz bin Mohd Zin, Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk dan pegawai-pegawai serta pekhidmat MAIPK.





SENARAI NAMA PESERTA

BIL.	NAMA	DAERAH	JUMLAH TUAIAN / STATUS TERKINI :
1.	Saiful Adli bin Mohamed Yahya	Bagan Datuk	500 kg
2.	Shalihin bin Misnadi	Bagan Datuk	300.500 kg
3.	Siti Zabedah bt Shamsudin	Bagan Datuk	400-500 kg
4.	Windy Amiaty bt Pangky	Bagan Datuk	Menunggu tuaian hasil
5.	Ridhwan bin Awang	Bagan Datuk	Dalam proses tanaman
6.	Jamil bin Ahmad	Gerik	300 kg
7.	Rosli bin Yusof	Gerik	200 kg
8.	Amirul Azuan bin Abdul Rashid	Selama	Dalam proses tanaman
9.	Muhammad Qusyairi bin Adnan	Selama	Dalam proses tanaman
10.	Muhammad Salehudin bin Bahari	K.Kangsar	Menunggu tuaian hasil
11.	Muhammad Zulkarnain bin Ismail	K.Kangsar	100-200 kg
12.	Kamarulzaman bin Maghtar	Lenggong	50-100 kg
13.	Ahmad Aidil bin Adanan	Taiping	Menunggu tuaian hasil
14.	Nurul Izzati bt Hamdan	Taiping	Dalam proses tanaman
15.	Muhamad Salleh bin Jamail	Seri Iskandar	700 kg
16.	Afifah bt Mohamad Afandi	Seri Iskandar	307 kg
17.	Muhammad Solleh bin Abd Hamid	Manjung	50-100 kg
18.	Kamil bin Moidin	Manjung	Menunggu tuaian hasil
19.	Muhammad Nazhan bin Nadzri	Manjung	Menunggu tuaian hasil
20.	Rosni bin Osman	Bagan Serai	Dalam proses tanaman



TITAH DIRAJA

DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
AL-MAGHFUR-LAH

**PERASMIAN MESYUARAT PERTAMA
TAHUN KELIMA
DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
KEEMPAT BELAS**

TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN) MASA : 10.30 PAGI

TEMPAT:
DEWAN NEGERI, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN
IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Yang Dipertua Dewan Negeri,

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Mesyuarat Pertama, Tahun Kelima, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas dapat diadakan.

2. Pandemik COVID-19 akan tercatat dalam sejarah sebagai malapetaka yang memberi impak besar kepada dunia. Pandemik COVID-19, bukan sahaja menjejaskan prestasi ekonomi dunia, kehidupan insan, pengurusan kesihatan, dan bekalan makanan, malah meninggalkan trauma yang turut menjantik emosi ramai pihak, dirakamkan oleh para penulis dalam bait-bait puisi sebagai jarum-jarum panik berceracak di mana-mana, pelancong hilang destinasi, perantau hilang tuju, pengembara hilang sempadan, kapal merapat ke pelabuhan, pesawat terdampar di hangar, kereta api tersadai di stesen, bunga terasa kehilangan embun pagi dilonggokan layu, sayuran dipulangkan ke bumi, dan susu dicurahkan ke ladang; lebih menghibakan apabila berjuta warga dunia bergelumang menghadapi kematian. Lebih 185 negara sesak nafas mengekang jangkitan angka, sedangkan bilangan jangkitan terus memuncak; manusia dikepung pandemik dahsyat dan diasak ke pertempuran rumit menghadapi musuh tidak terlihat.

3. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia mencatatkan penguncupan lima persepuluh enam peratus pada tahun 2020. Alhamdulillah, ekonomi Malaysia pada tahun 2021, membayangkan pelangi pemulihan, mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar tiga persepuluh satu peratus. Bagi tahun 2022, Tabung Kewangan Antarabangsa mengunjurkan pertumbuhan KDNK Malaysia, sekitar lima persepuluh tujuh peratus, dipacu oleh peningkatan signifikan dalam perdagangan global, harga komoditi yang stabil, pembendungan pandemik, serta sentimen pengguna dan perniagaan yang kian meningkat.

4. Namun langit yang diharapkan cerah, kelihatan memunculkan awan mendung. Risiko rantai bekalan global yang berada dalam keadaan rapuh, kini beralih daripada menghadapi bencana pandemik kepada konflik Russia-Ukraine, yang akan mengakibatkan ketidakpastian ekonomi dan geopolitik, sudah pun menyebabkan harga minyak dan gas asli dunia melonjak lebih tinggi, yang pastinya akan memburukkan keadaan bagi syarikat dalam banyak industri, terutama yang sangat bergantung pada sumber tenaga minyak. Ekonomi global bakal menghadapi kemelesetan, jika konflik berlarutan; dan Malaysia tidak terlepas daripada berdepan kesan negatif. Kesan langsung dan tidak langsung daripada konflik yang

berterusan, akan menjejaskan bekalan makanan, mempengaruhi persekitaran inflasi dan kadar faedah, juga menyebabkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Dijangka prospek KDNK global akan berkurangan antara sepuluh hingga dua puluh peratus.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

5. Pada tahun 2021, Kerajaan Beta berjaya menutup akaun dengan lebih dua puluh tiga juta (RM22,985,877.92) ringgit berbanding unjuran defisit seratus sepuluh juta (RM110,078,000.00) ringgit. Kutipan hasil mencapai seratus lapan peratus berbanding sasaran, dengan nilai kutipan melebihi sembilan ratus sembilan puluh lapan juta (RM998,467,193.89) ringgit; ditambah terimaan pembangunan hampir tiga puluh juta (RM29,649,077.14) ringgit; menjadikan jumlah keseluruhan hasil dan terimaan pembangunan, mencecah satu perpuhulan kosong tiga bilion (RM1,028,110,997.03) ringgit.

6. Berbanding kutipan hasil tahun 2020, kutipan tahun 2021 meningkat satu perpuhulan lima peratus; dipengaruhi oleh peningkatan enam (6.2) peratus kutipan hasil tanah, serta peningkatan lima puluh empat (53.8) peratus sumbangan Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan. Selain itu, peralihan secara berperingkat ke Fasa Empat, Pemulihan Negara pada 8 November 2021, turut membantu meningkatkan kutipan hasil.

7. Dewan ini telah meluluskan belanjawan satu perpuhulan satu bilion (RM1,105,000,000.00) ringgit untuk tahun 2022; lapan ratus tiga juta (RM803,000,000.00) ringgit untuk belanja mengurus, dan tiga ratus dua juta (RM302,000,000.00) ringgit untuk belanja pembangunan; pada nisbah tujuh puluh tiga (72.7) peratus belanja mengurus dan dua puluh tujuh (27.3) peratus belanja pembangunan.

8. Rancangan Malaysia Kedua Belas tertumpu kepada usaha mahu merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil - lebih saksama, serta mengekalkan kelestarian alam sekitar. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan satu perpuhulan empat bilion (RM1,425,654,271.66) ringgit dalam Rolling Plan pertama Rancangan Malaysia dibelanjakan, mencapai sembilan puluh enam (95.8) peratus prestasi perbelanjaan. Daripada tiga ratus enam puluh empat projek yang diluluskan dalam Rolling Plan pertama, sembilan puluh projek telah disiapkan dan dua ratus tujuh puluh empat projek masih dalam peringkat pelaksanaan. Bagi Rolling Plan kedua, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan satu perpuhulan lima bilion (RM1,537,616,800.00) ringgit untuk membiayai tiga ratus tujuh puluh dua projek.

9. Pada tahun 2021, dalam usaha menampikan impak negatif pandemik, Kerajaan Beta meneruskan Pakej Rangsangan Ekonomi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang melibatkan perbelanjaan seratus lapan juta (RM108,263,393.48) ringgit. Sektor kebajikan awam dan kesihatan mendapat peruntukan terbesar, berjumlah empat puluh satu juta (RM41,117,535.00) ringgit. Dalam tahun semasa, Kerajaan Beta memperuntukkan dana pembangunan tambahan empat puluh tujuh juta (RM47,000,000.00) ringgit melalui Kumpulan Wang Amanah untuk Pakej Rangsangan Ekonomi secara bersasar.

10. Usaha-usaha pemulihan ekonomi akan dipergiatkan dan kebajikan rakyat akan terus diutamakan. Untuk mencapai tahap perlindungan optimum daripada jangkitan COVID-19, pengambilan dos penggalak diperkenalkan sejak 13 Oktober 2021. Sehingga 18 Mac 2022, enam puluh enam peratus daripada penduduk dewasa di Negeri Perak yang layak, telah menerima dos penggalak. Usaha-usaha akan ditingkatkan untuk menyedarkan rakyat betapa pentingnya meningkatkan sistem imuniti dalam menghadapi ancaman musuh biologi ini. Selain Jabatan Kesihatan, Beta menyeru masjid, rumah ibadat, sekolah, badan sukarela, pertubuhan belia dan anggota masyarakat untuk membantu usaha menyedarkan rakyat betapa pentingnya mengambil vaksinasi dos penggalak. Insafilah!

akan tugas berat yang sudah lebih dua tahun terpaksa dipikul oleh kakitangan kesihatan. Rakyat wajib menunjukkan simpati, melaksanakan tanggungjawab membantu meringankan beban tugas kakitangan Jabatan Kesihatan dengan mengambil langkah-langkah preventif agar penularan wabak diminimumkan. Yang Dipertua Dewan Negeri,

11. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggariskan lima fokus utama, dijadikan agenda penting tahun 2022; pertama, meningkatkan hasil negeri; kedua, membudayakan perkhidmatan melangkaui kebiasaan; ketiga, meningkatkan kesejahteraan rakyat; keempat, memantapkan perkhidmatan dan infrastruktur digital; dan kelima, kesiapsiagaan menangani kesan perubahan iklim. Lima fokus utama tersebut hendaklah dijadikan pedoman oleh setiap jabatan, agensi dan badan-badan berkanun kerajaan, juga oleh pihak swasta serta badan bukan kerajaan. Lima fokus utama tersebut hendaklah diterjemahkan dalam bentuk gerak kerja dan program pelaksanaan. Untuk itu, langkah aktif, penerokaan inovasi, pendekatan yang keluar daripada kepompong lama, dan budaya kerja baru wajib dirintis.

12. Salah satu masalah utama yang melanda dunia sejak dahulu lagi ialah kemiskinan. Kemiskinan berlaku sama ada di negara maju mahupun di negara membangun dan di negara mundur. Pada tahun 2019, Bank Dunia melaporkan lebih sembilan (9.2) peratus atau enam ratus lapan puluh sembilan juta penduduk dunia tergolong dalam kumpulan miskin tegar. Dianggarkan pada tahun 2020, pandemik COVID-19, telah menyebabkan pertambahan hampir seratus lima belas juta penduduk dunia berstatus miskin.

13. Negara masih bergelut untuk mencapai matlamat sifar miskin tegar. Atas hasrat mahu membasmi kemiskinan, Kerajaan Persekutuan semasa membentangkan bajet 2022, mensasarkan tiga inisiatif; pertama, pembangunan kawasan luar bandar; kedua, pengukuhan dasar perlindungan sosial; dan ketiga, memantapkan jentera kerajaan dalam pengurusan kebajikan masyarakat.

14. Di negeri Perak, sehingga 16 Mac 2022, jumlah data kemiskinan yang didaftarkan dalam pangkalan data eKasih adalah seramai seratus enam puluh dua ribu (162,177) ahli isi rumah; seramai sembilan puluh lapan ribu (97,656) ahli isi rumah berstatus miskin, manakala enam puluh lima ribu (64,521) isi rumah berstatus miskin tegar, merupakan enam peratus daripada keseluruhan penduduk negeri.

15. Dalam hasrat mencapai matlamat sifar miskin tegar menjelang 2025, Kerajaan Persekutuan akan membangunkan usaha dengan kerajaan negeri, pihak swasta, badan bukan kerajaan berasaskan komuniti dan pihak-pihak lain, dengan memberi fokus kepada pendidikan dan kesihatan. Lima lokaliti, di daerah-daerah Hulu Perak, Kerian, Manjung dan Batang Padang telah dipilih dalam program rintis pembasmian kemiskinan.

16. Rumah ialah keperluan sangat asas, selepas memenuhi keperluan makanan dan pakaian. Program perumahan rakyat berpendapatan rendah merupakan salah satu program yang dapat membantu mengatasi atau mengurangkan kemiskinan rakyat. Demi kesejahteraan rakyat, menyediakan rumah dan membangunkan projek perumahan yang selesai dan mampu milik merupakan salah satu tanggungjawab utama kerajaan. Kerajaan Beta mensasarkan pembinaan lima puluh ribu unit rumah mampu milik antara tahun 2018 sehingga tahun 2023. Alhamdulillah, sasaran ini berjaya dicapai pada tahun 2021. Lima puluh enam ribu (56,292) unit rumah mampu milik telah berjaya dibina; dua puluh satu ribu (20,820) unit di bawah seliaan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak serta agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan; sementara tiga puluh lima ribu (35,472) unit lagi, dibangunkan oleh pihak swasta.

17. Allah Subhanahu Wata'ala menghamparkan bumi ini, dengan kekayaan rezeki untuk diurus dan diagihkan agar dapat dinikmati oleh setiap insan. Pembangunan perumahan mampu milik untuk kesejahteraan rakyat wajib ditingkatkan. Keupayaan rakyat berpendapatan rendah dan miskin memiliki rumah

sendiri, hendaklah dijadikan kayu ukur yang membuktikan sumber negara berjaya diagihkan secara bijaksana, adil lagi saksama. Untuk itu, pendirian tegas Kerajaan Beta tidak akan bertolak ansur dengan pemaju dalam memastikan lebih ramai rakyat berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri, merupakan pendirian yang sangat bertepatan.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

18. Pemanasan global dan suhu dunia yang semakin meningkat, menjadi ancaman besar kepada kehidupan alam. Tanda-tanda menunjukkan, telah ada tempat yang terlalu panas untuk didiami, dan akan ada tempat yang bakal menghadapi ketandusan bekalan air. Sebagai contoh, di negara kita sendiri, semakin banyak masjid, rumah ibadat dan bangunan yang perlu dihawadnginkan. Sidang Kemuncak Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, COP 26 di Glasgow, pada penghujung tahun 2021, telah menjadikan isu penyelesaian perubahan iklim dunia sebagai agenda utama. Kerajaan Beta tidak terkecuali mengambil langkah-langkah proaktif menangani kesan perubahan iklim. Seluas sembilan ratus lapan puluh tujuh ribu (986,848.26) hektar atau empat puluh tujuh peratus daripada keluasan tanah negeri telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal yang diuruskan secara Prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

19. Menerusi Prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Hutan Simpanan Kekal diklasifikasikan kepada dua pengelasan fungsi, iaitu Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan. Sehingga Disember 2021, seluas lebih lima ratus ribu (501,235.70) hektar atau lima puluh satu peratus kawasan, dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran, sementara seluas empat ratus lapan puluh enam ribu (485,612.56) hektar atau empat puluh sembilan peratus kawasan, dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan; bermakna Negeri Perak telah mematuhi sepenuhnya amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan yang terbukti melalui pengekalan Pensijilan Pengurusan Hutan semenjak tahun 2010.

20. Kerajaan Beta turut melaksanakan Program Penghijauan Malaysia di peringkat negeri. Kempen menanam sepuluh juta pokok dalam tempoh lima tahun telah dirintis sejak tahun 2021. Sehingga Disember 2021, lebih dua juta (2,175,659) pokok telah berjaya ditanam.

21. Amalan kitar semula yang berupaya memberikan impak positif ke arah pemuliharaan alam sekitar, masih belum dihayati sepenuhnya untuk menjadi budaya. Ke arah menggalakkan rakyat mengamalkan budaya kitar semula, Jabatan Alam Sekitar bersama Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan Program Pengumpulan Sisa e-Waste. Negeri Perak merangkul tempat pertama di Malaysia dengan kejayaan mengumpul tiga ratus tiga belas tan metrik berbanding sasaran empat puluh tan metrik yang ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air. Sisa e-Waste ini akan dikitar semula bagi mendapatkan bahan-bahan berharga, selain mengelakkan potensi pencemaran bahan-bahan berbahaya yang boleh memudaratkan kesihatan manusia.

22. Sepanjang dekad pertama abad ini, dunia telah menyaksikan pengeluaran plastik mengatasi jumlah keseluruhan pengeluaran di abad kedua puluh. Malaysia menduduki tempat kedua di Asia bagi penggunaan plastik dengan berat tujuh puluh (69.54) kilogram per kapita. Rakyat Malaysia secara purata menggunakan tiga ratus beg plastik setahun. Dianggarkan rakyat Malaysia membuang lebih tiga puluh ribu tan plastik ke laut setiap tahun. Malaysia disenaraikan antara negara di dunia yang menyumbang kepada sumber plastik yang besar di lautan. Plastik yang hanyut ke laut atau yang disediakan di darat, mengambil masa empat ratus tahun sebelum mereput. Rakyat Malaysia ketara kurang kesedaran dan tidak menghiraukan bahaya pencemaran plastik sedangkan plastik meracuni makanan dan alam sekitar. Rakyat hendaklah disedarkan untuk meminimumkan penggunaan plastik. Jabatan kerajaan, masjid, rumah ibadat, sekolah, pusat tahfiz, badan bukan kerajaan dan belia, hendaklah membantu

kempen untuk rakyat meminimumkan penggunaan beg plastik, dan tidak membuang sisa plastik ke dalam parit, tasik, saluran dan sungai atau dibiarkan tertinggal bersepah di bumi.

23. Dunia kini semakin menghadapi pelbagai bencana mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Pelbagai bencana alam yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini hendaklah ditafsirkan sebagai peringatan Ilahi kepada manusia yang bersifat zalim, sehingga alam semakin membenci dan enggan bersahabat dengan manusia. Ketaksuban untuk memajukan prasarana, dan ketaksuban untuk meraih keuntungan perniagaan, jangan dijadikan lesen menghalalkan manusia bersifat rakus memusnahkan alam sekitar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam ayat 41, Surah Ar-Rum bermaksud:

“Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, Allah menghendaki agar mereka merasakan sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”

24. Kecanggihan teknologi semata-mata, tidak mampu membendung bencana akibat kerosakan alam sekitar yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Pembangunan negara harus mengambil kira elemen pemantapan sahsiah dan rasa cinta kepada alam sekitar. Rohani dan sahsiah hendaklah dimantapkan untuk menyemai kesedaran agar manusia berbaik-baik dengan alam sekitar, dan agar berlaku keseimbangan antara pembangunan prasarana dan pemuliharaan alam.

25. Kerajaan Beta memandang serius isu kelangsungan populasi Harimau Malaya (*Panthera tigris jacksoni*). Berdasarkan kajian, kawasan hutan simpan di Negeri Perak merupakan habitat penting Harimau Malaya. Hasil kajian mendapati, kini hanya berbaki tiga puluh tujuh ekor Harimau Malaya, (tiga puluh ekor harimau dewasa dan tujuh ekor anak harimau) yang masih berkeliaran di hutan simpan negeri. Angka ini sangat rendah berbanding keluasan kawasan habitat yang boleh menampung sekitar dua ratus ekor harimau. Dalam usaha menyokong pengukuhan habitat Harimau Malaya, Kerajaan Beta telah mewartakan kawasan seluas hampir sembilan belas ribu (18,866) hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal Amanjaya.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

26. Pada November 2021, fenomena air pasang besar serta taburan hujan yang tinggi telah menyebabkan beberapa buah daerah mengalami bencana banjir, mengakibatkan empat ratus buah rumah terjejas. Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil inisiatif, memasang tolok lurus (river stick gauge) dan tiga puluh tiga siren amaran di kawasan hotspot banjir di seluruh negeri, untuk memantau paras air sungai, serta pemasangan tolok hujan (rainfall gauge) bagi memantau jumlah hujan. Peralatan yang dipasang akan dapat mengeluarkan amaran, membolehkan operasi bantuan dan menyelamatkan digerakkan segera sekiranya berlaku bencana banjir.

27. Dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara yang tertera dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara, menyatakan, sekiranya berlaku sesuatu kejadian bencana seperti banjir, ribut, tanah runtuh dan sebagainya, Pusat Kawalan Operasi Bencana dan Pos Kawalan Tempat Kejadian hendaklah digerakkan secara tersusun dan bersistematik. Dalam menghadapi bencana, Negeri Perak ketika ini mempunyai jumlah kekuatan hampir lima ribu lima ratus (5,494) orang terdiri daripada anggota-anggota Polis DiRaja, Angkatan Tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, beserta tiga ratus lapan puluh enam unit aset darat, dan seratus empat puluh unit aset air, bersiap sedia untuk digerakkan.

28. Pandemik COVID-19, bencana alam, inflasi dan terkini peperangan, telah mengancam jaminan bekalan makanan dunia. Laporan Global 2020 mengenai krisis makanan menyatakan, pandemik mampu mengakibatkan kemerosotan mencecah tahap kritikal jaminan bekalan makanan. Harga makanan yang meningkat, telah menjejaskan kehidupan dan

mencetuskan keresahan rakyat. Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai tindakan bersepadu bagi meningkatkan jaminan keselamatan makanan melalui usaha makanan pemodenan subsektor makanan melalui Revolusi Perindustrian 4.0, mencari akses pasaran baharu dan menarik minat generasi muda menyertai sektor-sektor pertanian, perikanan dan penternakan.

29. Untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan keselamatan makanan, Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan peringkat Negeri Perak telah ditubuhkan, bertujuan memperkukuhkan daya tahan sistem makanan dengan memberi tumpuan kepada isu-isu sekuriti makanan terutama aspek-aspek bekalan, pengeluaran, harga, kuasa beli pengguna, tabiat pemakanan serta kemampunan alam sekitar.

30. Setiap hari banyak bahan makanan dibazirkan. Data di peringkat global, menunjukkan nilai makanan yang dibazirkan, memecah dua peruluhan empat peratus Keluaran Dalam Negara Kasar dunia. Di negara kita, dilaporkan setiap hari, tujuh belas ribu tan sisa makanan yang boleh mengisi perut tiga juta rakyat dilupuskan. Empat ribu lapan puluh tan daripada jumlah tersebut merupakan makanan yang dibazirkan. Jumlah tersebut meningkat sepuluh peratus bulan Ramadan. Angka-angka tersebut membayangkan betapa seriusnya perbuatan pembaziran makanan yang sedang berlaku. Manusia perlu dididik dengan nilai menghargai makanan dan disemai dengan budaya tidak membazirkan makanan. Kerajaan Beta hendaklah mengambil langkah-langkah bermakna menghentikan pembaziran ini. Jabatan-jabatan kerajaan wajib menunjukkan contoh teladan, bermula daripada menempah kuantiti makanan dalam majlis dan acara yang diadakan, dan semasa berlangsungnya perjumpaan atau mesyuarat. Setiap isi rumah, sekolah, maktab dan universiti, masjid dan rumah ibadat, serta operator makanan, restoran dan hotel wajib mengamalkan budaya tidak menyediakan makanan secara berlebihan yang hanya berakhir di dalam tong sampah.

31. Sungguh menggalakkan kegiatan yang sedang diusahakan oleh empat puluh buah masjid dan beberapa buah pusat tahfiz di Negeri Perak, memajukan kawasan di sekitar masjid dan institusi untuk menghasilkan makanan. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan beberapa GLC negeri sedang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat membiayai projek-projek pertanian dalam kalangan belia dan pelajar dengan bantuan menubuhkan kelab pertanian untuk menyemai minat bertani dalam kalangan remaja. Usaha terpuji ini perlu diperluas dan diperbanyakkan dengan penglibatan lebih banyak masjid, rumah ibadat, sekolah, pusat tahfiz, pertubuhan belia, pihak swasta dan turut diperkenalkan di kuarters kerajaan, merangkumi kem tentera dan berek polis.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

32. Beberapa Pihak Berkuasa Tempatan telah melakar pencapaian membanggakan. Majlis Perbandaran Manjung berjaya mewujudkan aplikasi myMANJUNG yang memudahkan masyarakat mendapatkan pelbagai perkhidmatan dalam talian. Para peniaga kini boleh memohon Lesen Premis Perniagaan Digital (myPATIL) secara dalam talian yang dipantau terus melalui aplikasi mudah alih. Penguatkuasaan semakin sah perniagaan kini boleh dipantau di hujung jari, dan peringatan pembaharuan lesen, boleh dibuat melalui pesanan mesej telefon pintar.

33. Majlis Bandaraya Ipoh yang mengetengahkan projek Inovasi Sistem MyNoRisk@MBI, telah memenangi Anugerah Emas dalam Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx) 2021 Wilayah Utara. Majlis Perbandaran Taiping telah menerima anugerah Malaysia Tourism Council Gold Awards 2021 bagi kategori Best Sustainable Tourism Program; manakala, Majlis Daerah Kampar telah memenangi GOLD CLASS 1 AWARD (Kategori Sektor Awam dan Badan Berkanun) dan Workplace Health Promotion (WHP) Award, yang dianugerahkan oleh Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH), di samping pemenang Anugerah Kejiranan Hijau 2021 bagi kategori Majlis Daerah seluruh Malaysia, anjuran PLANMalaysia. Kejayaan-kejayaan yang dicapai hendaklah dijadikan sumber inspirasi oleh pelbagai jabatan dan agensi lain.

34. Kerajaan Beta telah memulakan inisiatif baru, menyediakan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan luar bandar melalui khidmat Pihak Berkuasa Tempatan. Dua peruluhan dua juta ringgit telah diperuntukkan pada tahun 2021, bagi menampung kos penyediaan tapak kutipan, kos pembelian tong sampah dan kos perkhidmatan operasi untuk seratus sepuluh buah kampung. Program ini mendapat reaksi dan kerjasama positif daripada penduduk yang terlibat, dan secara langsung membantu mengurangkan aktiviti pembuangan sampah secara haram dan pembakaran tidak terkawal secara terbuka.

35. Bermula Julai 2021, Negeri Perak telah menerimapakai dasar berhubung perkhidmatan komunikasi sebagai utiliti awam ketiga (selepas air dan elektrik). Pelbagai agensi berkaitan, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang giat berusaha dan bekerjasama dengan Kerajaan Beta untuk merealisasikan semua inisiatif dan sasaran Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Kerja-kerja menaiktaraf rangkaian internet berasaskan tembaga (copper) kepada gentian optik (fibre), menaiktaraf stesen pemancar daripada rangkaian 2G dan 3G kepada 4G, di samping menambah bilangan menara liputan perkhidmatan jalur mudah alih 4G, serta meningkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25 Mbps kepada 35 Mbps mula dilaksanakan, untuk memastikan penyampaian perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dapat disediakan di seluruh negeri.

36. Belia ialah aset negara yang berharga. Dua puluh lapan peratus penduduk Malaysia berada dalam usia belia. Tujuh peruluhan lapan juta orang belia, bertaraf pengundi dalam Pilihan Raya Umum Kelima Belas. Para belia wajar diasuh, dididik, dibimbing dan diberikan kepercayaan untuk mengambil tanggungjawab lebih besar dalam agenda membina negara-bangsa yang bersatu dan berpadu, maju lagi makmur. Langkah yang dirintis oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak melibatkan belia berperanan langsung menganggotai Majlis, Jawatankuasa Baitulmal di pelbagai peringkat dan Jawatankuasa Masjid, hendaklah dilebarkan dalam pelbagai jawatankuasa peringkat negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, institusi dan yayasan. Penglibatan para belia secara aktif akan dapat membantu untuk meremajakan dasar yang telah tua, meniup pembaharuan kepada struktur yang telah lama, dan menyuntik darah muda kepada tubuh yang telah berusia. Pendekatan Kerajaan Beta melibatkan belia dan menyediakan saluran untuk belia dapat menyalurkan idea dan menyuarakan pandangan merupakan langkah bijak lagi membina. Isu-isu bersifat objektif dan idea-idea konstruktif yang disuarakan dalam Persidangan Dewan Belia, wajar diberikan perhatian.

Yang Dipertua Dewan Negeri,

37. Pencapaian segala wawasan, idea, hasrat dan rancangan bergantung pada jentera pentadbiran yang amanah, ikhlas, jujur dan tulus; jentera pentadbiran yang mengamalkan integriti yang tinggi, jentera pentadbiran yang telus, bebas daripada rasuah dan tidak menyalahgunakan kuasa, dan jentera pentadbiran yang menyedari tanggungjawab kepada rakyat dan tanggungjawab lebih besar kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan barisan ulama dan umara, dengan barisan para pemimpin, pentadbir dan pengurus yang amanah, ikhlas, jujur dan tulus. Semoga Negeri Perak Darul Ridzuan dilimpahi keamanan dan kemakmuran, serta rakyatnya terus diberkati dan dianugerahi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan taufik dan hidayah.

Dengan lafaz بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ, Beta merasmikan Mesyuarat Pertama, Tahun Kelima, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Keempat Belas.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهِدَايَةِ وَالسَّلَامَ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةَ اللّٰهِ وَبَرَكَاتِهِ



PROGRAM JEJAK ASNAF

Program Jejak Asnaf MAIPK merupakan program turun padang menyelami kelangsungan hidup asnaf di samping melihat keperluan yang layak disalurkan. Nasib golongan asnaf sentiasa menjadi perhatian MAIPK dengan pelbagai jenis bantuan disalurkan kepada asnaf-asnaf yang dikunjungi seperti bantuan bina rumah, baik pulih rumah, bantuan perubatan, bantuan bulanan, bantuan modal dan sebagainya.

Program Jejak Asnaf membantu meringankan beban yang ditanggung golongan asnaf tersebut serta menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pembayar zakat negeri Perak, kerana anda golongan asnaf dapat dibantu hasil daripada pembayaran zakat yang berterusan kepada MAIPK.

DAERAH LENGGONG 9 MAC 2022



Program Jejak Asnaf di sekitar daerah Lenggong menziarahi lima buah keluarga di Kg. Melayu Padang Gerus, Kg. Temelong, Kg. Banggol Belimbing, Kg. Masjid Kuak dan Kg. Pengkalan Ikan. Program diketuai Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi, Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Arifullah bin Mahsuri, Penghulu Mukim Lenggong, Penghulu Mukim Durian Pipit, Penghulu Mukim Temelong, kakitangan MAIPK Lenggong dan Pejabat Orang Besar Jajahan.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

DAERAH MUALLIM 17 MAC 2022



Program Jejak Asnaf Daerah Muallim menyasarkan kepada tiga buah rumah asnaf terpilih iaitu di sekitar Felda Sungai Behrang, Slim River. Program diketuai YDH. Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Hj. Ahmad, Orang Besar Jajahan Muallim, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Encik Nabil Fikri serta pegawai-pegawai daerah dan ibu pejabat MAIPK.



DAERAH BAGAN DATUK 21 MAC 2022

Program Jejak Asnaf MAIPK Daerah Bagan Datuk diadakan dengan tumpuan kepada beberapa asnaf di sekitar Kg. Teluk Bharu. Program diketuai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk, Encik Mohd Shahmer Mahzuz bin Mohd Zin dan urusetia daripada Bahagian Agihan Zakat dan MAIPK Bagan Datuk.





TIGA HARI MISI BANTUAN BANJIR MAIPK KE PAHANG



IPOH, 31 Disember 2021 – Majlis pelepasan konvoi Skwad Banjir Zakat Perak-MAIPk untuk Misi Bantuan Banjir MAIPk selama tiga hari bermula 31 Disember 2021 hingga 2 Januari 2021 ke Pahang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan Timbalan Mufti Negeri Perak, Dato' Zambri bin Hashim di pekarangan Kompleks Islam Darul Ridzuan. Konvoi disertai 40 buah kenderaan 4X4 dengan anggota seramai 40 orang. Objektif misi bantuan sebagai kesinambungan bantuan yang telah dihulurkan oleh pelbagai pihak untuk memastikan keadaan dan nasib mangsa banjir terlibat terus mendapat pembelaan sewajarnya.

Menerusi misi bantuan banjir, MAIPk menyumbangkan RM400,000.00 kepada beberapa negeri terjejas akibat banjir termasuk RM150,000.00 diserahkan kepada Majlis Ugama Islam dan Resam Pahang untuk diagihkan kepada mangsa banjir terlibat. Tahniah dan syabas kepada Skwad Banjir Zakat Perak-MAIPk serta semua anggota konvoi terlibat dalam misi bantuan banjir MAIPk ke Pahang kali ini. Semoga yang membantu dan yang dibantu sama-sama beroleh rahmat, barakah dan inayah Allah SWT.





Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

PROGRAM

ZIARAH RAMADAN 1443H



IPOH, 28 April 2022 - Nasib golongan asnaf fakir dan miskin sentiasa menjadi perhatian MAIPK dalam memastikan kumpulan ini menerima zakat dan dibantu sebaiknya. Program Ziarah Ramadan bertujuan menziarahi asnaf bagi membantu meringankan beban serta memberikan keceriaan kepada para asnaf menjelang Hari Raya Aidilfitri. Pihak MAIPK menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf di lima buah rumah sekitar daerah Kinta.



Bantuan berupa kotak makanan, hamper raya dan duit raya disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Anggota MAIPK, YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK (Pembangunan), Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan pegawai-pegawai Bahagian Agihan Zakat. Hasil kunjungan, pelbagai bantuan dikenalpasti pihak MAIPK seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan rumah sewa bulanan, bantuan modal dan bantuan hemodialisis.

BENGGKEL LANJUTAN PEMBENTUKAN MODEL KEUSAHAWANAN ASNAF

IPOH, 25 Januari 2022 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Bengkel Lanjutan Ke-3 Pembentukan Model Keusahawanan Asnaf Negeri Perak di Hotel Impiana. Pihak Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah membentangkan cadangan model baharu keusahawanan asnaf 2022 untuk mengkoordinasi, melaksana dan menyelia program-program keusahawanan asnaf MAIPK bermula September 2021 hingga Ogos 2023 selama 2 tahun. Pembentangan tersebut turut mendapat cadangan, penambahbaikan dan idea pendekatan baharu daripada ahli-ahli panel yang hadir.

Bengkel dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin Kardi dan ahli-ahli panel utama terdiri daripada YDH Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr. Khalid bin Ismail, YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmad, YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Encik Mohd Haidi bin Sulaiman dan Puan Maizura binti Wan Zahari. Selain itu, beberapa orang ahli panel daripada pakar-pakar industri turut dijemput dalam bengkel tersebut. Semoga segala resolusi terhasil daripada bengkel tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kemajuan dan pembangunan usahawan asnaf MAIPK.





DUTA BESAR MALAYSIA KE REPUBLIK ARAB MESIR MENYAMPAIKAN SUMBANGAN EGP 20,500 KEPADA KPIPM



MESIR, 19 April 2022 - TYT Ambassador Zamani Ismail, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir telah menghadiri Majlis Iftar bersama Mahasiswa Perak. Majlis berlangsung di Dewan Shaikh Idris Al Marbawi, Wisma Perak Baitul Ridzuan turut dihadiri Puan Maziah Awang, Pengerusi Perwakilan Kaerah. Sempena Majlis Iftar, Pejabat Atase Pendidikan Negeri Perak melalui TYT Duta Besar menyampaikan sumbangan kepada KPIPM bagi tujuan program Ihya Ramadhan anak-anak Perak. TYT Zamani Ismail turut menerima naskah karya ilmiah yang dihasilkan oleh Ustaz Imamul Hayat dan Ustaz Muhammad Halimudin sebagai tanda kenang-kenangan. Pejabat Atase Pendidikan Negeri Perak mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian TYT Duta Besar meluangkan masa beramah mesra dan menyantuni Mahasiswa Perak. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Iftar pada kali ini.

MAIPK DI HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK

IPOH, 8 Februari 2022 – Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak telah disertai pihak MAIPK di Stadium Indera Mulia. Pihak MAIPK menyertai Kerajaan Negeri Perak mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan mulai bulan Februari. Program Hari Bertemu Pelanggan adalah satu cara memperkasakan perkhidmatan MAIPK kepada pihak awam khusus kepada masyarakat Islam negeri Perak terutama kepada golongan asnaf. Menerusi program itu golongan ini dapat menyuarakan terus suara kepada pihak MAIPK. Hal ini merupakan salah satu usaha baik mendekati pelanggan bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan mahupun aduan untuk pihak MAIPK ambil tindakan dan diselesaikan. Dalam masa sama memberi ruang kepada pelanggan mengetahui maklumat terkini tentang perkhidmatan yang disediakan oleh pihak MAIPK.

Program ini bertujuan memperkasakan perkhidmatan MAIPK secara langsung dengan bertemu para pelanggan. Inilah harapan utama pihak MAIPK disamping akan meningkatkan imej dan kualiti penyampaian MAIPK dari semasa ke semasa sekali gus mewujudkan budaya mesra pelanggan. Pihak MAIPK yakin Program Hari Bertemu Pelanggan berjaya menambah baik sistem perkhidmatan yang diberikan dengan lebih cepat, cekap dan berkesan dalam menangani bantuan-bantuan kepada golongan asnaf. Jika dapat diberikan sedemikian rupa, masyarakat atau pelanggan pihak MAIPK bukan sahaja berpuas hati dengan perkhidmatan tetapi juga seronok dan gembira dengan layanan diberikan.

Pihak MAIPK turut menyediakan kemudahan van kaunter zakat dan wakaf yang menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti bayaran zakat, taksiran zakat, bayaran zakat, permohonan bantuan zakat, menyemak permohonan bantuan zakat dan menyediakan cenderahati kepada pembayar zakat. Pada Program Hari Bertemu Pelanggan kali ini disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Encik Ahamad Muzammil bin Arbain, Pengurus Bahagian Agihan Zakat dan pegawai-pegawai Bahagian Agihan Zakat dan Bahagian Pemasaran.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga negeri Perak yang hadir ke kaunter MAIPK di program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan serta juga kepada Bahagian Agihan Zakat dan Bahagian Pemasaran MAIPK memberi komitmen sepenuhnya menjayakan program ini.





KERATAN AKHBAR MAIPK

Rabu 23.03.2022 | Harian Metro

PROPER A bantu tingkat taraf hidup asnaf di Perak

Bagan Datuk: Projek Tanaman Cili Fertigasi Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) MAIPK...



Hasilnya dapatah kira-kira RM2,000 untuk digunakan sebagai perbelanjaan keluarga dan persekolahan anak,"

Siti Zabeedah

Seramai 20 peserta menyertai projek cili fertigasi yang dilaksanakan selama setahun bermula April 2021 hingga April ini...

Peserta Siti Zabeedah Shamsudin, 50, dari Bagin Datuk berkata, mereka menerima modal awal merangkumi set peralatan lengkap, sistem fertigasi, kursus teori dan praktikal selain bimbingan serta pemantauan.

Menurutnya, dia menanam 2,000 pokok cili dalam 1,000 polibeg yang setakat ini mengeluarkan hasil tuaian antara 70 hingga 200 kilogram (kg).

"Hasil tuaian minggu lalu mencecah 212 kg yang juga hasil paling tinggi di perolehi sepanjang tempoh ini."

"Tanaman cili itu dijual pada harga RM10 sekilogram kepada pemborong.

Nasib suami isteri di rumah usang dapat perhatian MAIPK

Dalam Negeri
Dua Anisa MUDA... 'Kami menangi di atas kertas'... Lemah Marang ditertarikan...

MAIPK bantu warga emas jaga abang ipar, anak saudara OKU

Negeri
IPOH - Hasil seorang lelaki warga emas, Wazir Mohd. Salleh, 63, yang menjangka abang ipar serta anak saudaranya di Kampung Lubok Katik, Tapah...

Penduduk lega isu surau selesai

Negeri
IPOH - Penduduk Kampung Sri Karamat di sini lega apabila isu pendirian surau yang berlaku semenjak sekian lama akhirnya menemui titik penyelesaian secepat mungkin...

Dulu asnaf kini usahawan cili

DIMAS
Kedah
Kedah kini menjadi salah satu pusat pengeluaran cili di negara ini...

Dahulu asnaf, kini jadi tauke cili

Negeri
PARIT - Projek tanaman cili fertigasi telah membantu Muhammad Salleh Jamal, 52, yang dahulunya merupakan usahawan asnaf belajar daripada sebarang bantuan...

Terlantar lumpuh separuh badan

Negeri
LEKAS - Seorang lelaki berusia 40 tahun mengalami kemalangan lalu lintas yang mengakibatkan dia terlantar lumpuh separuh badan...

Asnaf raji pendirian lumbung tanam di fertigasi

Negeri
KAMPUNG LUBOK KATIK, Tapah, Perak - 11 orang asnaf di sini telah berunding dengan MAIPK untuk memulakan projek pendirian lumbung tanam di fertigasi...

RM11 juta dana zakat bantu usahawan, pelajar di Perak

IPOH - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) menyediakan dana zakat lebih RM11 juta untuk membantu seramai 428 orang usahawan asnaf serta 57,006 pelajar di seluruh negeri ini sepanjang tahun ini.

Negara! 17

niasa yang terjejas akibat pandemik 'ujar kenyataan itu. Dalam pada itu, seramai 57,006 orang pelajar di seluruh negeri Perak boleh manfaat menerusi bantuan yang disalurkan oleh MAIPK.

Negara! 17

Penduduk lega isu surau selesai
IPOH - Penduduk Kampung Sri Karamat di sini lega apabila isu pendirian surau yang berlaku semenjak sekian lama akhirnya menemui titik penyelesaian secepat mungkin...

PARA peniaga antara yang terjejas teruk sepanjang pandemik Covid-19.



18 UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 25 MAC 2022

Forum

Jangan lupa bayar fidyah sebelum Ramadan

SAUDARA PENGARANG,

TIDAK lama lagi lagi kita akan memasuki bulan Ramadan. Amalan berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan wajib dilaksanakan oleh setiap individu yang berkemampuan.

Islam juga menetapkan mana-mana individu yang gagal menunaikan kewajipan rukun Islam ketiga itu harus melunaskan pembayaran fidyah. Fidyah ialah denda ke atas seseorang Islam yang baligh kerana meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu atau sengaja melewatkan puasa ganti (qada) Ramadan.

Terdapat beberapa sebab seseorang dikenakan fidyah iaitu uzur menunaikan puasa Ramadan, hamil, menyusu anak, hutang puasa orang yang meninggal dunia, musafir dan pesakit yang tidak mengqada puasa pada tahun puasa tersebut ditinggalkan dan melambatkan ganti puasa.

Islam sebagai agama yang lengkap menetapkan kaedah dan syarat tertentu dalam sesuatu ibadah khusus. Jika ia tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan yang sempurna dan lengkap rukun serta syaratnya atau ditinggalkan dengan sebab tertentu, maka berlakulah ketidaksempurnaan dalam amalan berkenaan.

Antara hikmah pensyariatkan fidyah antaranya sebagai satu bentuk penebusan terhadap ketidaksempurnaan dalam melakukan sesuatu ibadah yang menyebabkan pelakunya berdosa. Juga merupakan jalan keluar yang disediakan oleh Islam bagi mereka yang menghadapi masalah atau kesukaran dalam melakukan ibadah.

Semoga kesedaran berkaitan kewajipan melunaskan fidyah oleh masyarakat Islam terus subur dan hasil kutipan fidyah ini dapat diagihkan kepada mereka yang layak.

Imam al-Nawawi berpandangan hanya golongan fakir atau miskin yang berhak menerima agihan fidyah.

MOHD. YAKOP IKRAM
Ipoh, Perak



FIDYAH adalah satu bentuk penebusan terhadap ketidaksempurnaan dalam melakukan sesuatu ibadah yang menyebabkan pelakunya berdosa.



Oleh **Mohd Yakop Ikram**
Penolong Pengurus
Bahagian Perhubungan
Korporat, MAIPK

UTUSAN MALAYSIA
ISININ • 11 APRIL 2022

Forum

Zakat tidak menyebabkan miskin

SAUDARA PENGARANG,

SEWAJARNYA kita patut bersyukur kerana dikurniakan usia dan kesihatan yang baik untuk melaksanakan puasa serta ibadah-ibadah yang sangat dituntut sepanjang Ramadan seperti solat berjemaah, solat tarawih, tadarus, qiamullail dan melipat gandakan sedekah. Contohilah sunnah junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang beriktikaf dan memburu Lailatul Qadar apabila memasuki sepuluh hari terakhir Ramadan.

Bulan ini juga, umat Islam tanpa mengira umur, jantina dan latar belakang ekonomi diwajibkan menunaikan zakat fitrah bertujuan bagi berkongsi rezeki dengan mereka yang susah.

Amalan menggembirakan ini paling disukai oleh Allah SWT. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar R.Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud : *"Orang yang paling dicintai oleh Allah SWT ialah orang yang banyak memberi manfaat kepada orang lain, dan amalan yang paling Allah sukai ialah kegembiraan yang dimasukkan dalam hati seorang muslim, atau menghilangkan baginya kesulitan, atau menyelesaikan hutang-piutangnya atau menghilangkan baginya kelaparan"*. (Imam at-Tabrani).

Membayar zakat tidak akan menyebabkan seseorang itu miskin atau berkurang harta. Ini kerana ada hikmah berupa keberkatan lebih-lebih lagi sekiranya menunaikan zakat dan bersedekah pada bulan mulia ini.

Barakah suatu nikmat yang dapat dirasai dan dinikmati dalam kehidupan seharian selepas berkongsi rezeki adalah seperti kesihatan yang baik, kelapangan masa, ketenangan hati dan sebagainya.

Selain mendapat keredaaan Allah SWT dan mewujudkan sifat bersyukur, pemberian zakat juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara satu sama lain. Mudah-mudahan, bantuan zakat kita ini menjadi punca datangnya bantuan daripada Allah SWT, diluaskan pintu rezeki, dijauhkan musibah serta di akhirat nanti akan masuk ke dalam syurga melalui pintu istimewa yang hanya disediakan oleh Allah SWT

"Barangsiapa tergolong sebagai orang yang sentiasa bersedekah maka dia akan dipanggil masuk syurga melalui pintu sedekah." (Riwayat al-Bukhari)

Pun begitu, pastikan orang ramai membayar zakat di saluran yang betul dan kepada amil bertauliah demi memastikan zakat menjadi sah dan benar-benar sampai kepada asnaf yang berhak.

Selari dengan perkembangan semasa pelbagai saluran pembayaran zakat fitrah dan zakat harta telah diwujudkan sama ada secara dalam talian, potongan gaji, kad kredit, ejen zakat dan sebagainya.

MOHD YAKOP IKRAM
Ipoh, Perak



Wadah

MAIPK

Edisi Pertama 2022 • Bil. Ke-41

Berita Sana Sini



Penyerahan Zakat
Perniagaan Syarikat
Boustead Plantations
Berhad Di Kompleks Islam
Darul Ridzuan Pada 11
Januari 2022

MAIPK Ziarah Penduduk
Terjejas Bencana Ribut
Di Sekitar Ipoh Pada 31
Januari 2022



Persidangan Majlis
Agama Islam Dan 'Adat
Melayu Perak Kali Ke-220
Di Kompleks Islam Darul
Ridzuan Pada 27 Januari
2022

99speedmart Sdn. Bhd.
Serah Sumbangan 300
Kotak Hamper Hari Raya
Aidilfitri Pada 18 April 2022



Persidangan Majlis
Agama Islam Dan 'Adat
Melayu Perak Kali Ke-221
Di Kompleks Islam Darul
Ridzuan Pada 21 April 2022